

# CUKAI KORPORAT



## PENGENALAN

- Cukai Korporat dikenakan atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperolehi pendapatan :
  - 1 - Di Malaysia dan
  - 2 - Dari luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut dan udara dan perbankan sahaja

## TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

- Hantar anggaran cukai secara **e-Filing** (e-CP204) atau borang kertas (CP204) ke Pusat Pemrosesan LHDNM secara manual
- Ansuran Syarikat (anggaran dibuat oleh syarikat)

| PERKARA         | SYARIKAT BAHARU                    | SYARIKAT SEDIA ADA               | BORANG |
|-----------------|------------------------------------|----------------------------------|--------|
| Hantar Anggaran | Dalam masa 3 bulan pertama operasi | 30 hari sebelum mula tempoh asas | CP204  |
| Mula Bayar      | Bulan ke-6 tempoh asas             | Bulan ke-2 tempoh asas           | CP207  |
| Tarikh Bayaran  | Sebelum / pada 15 haribulan        |                                  | CP207  |
| Pinda Anggaran  | Bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas   |                                  | CP204A |

**Syarikat dorman tidak perlu hantar CP204**

- Hantar Borang e-C secara **e-Filing** (termasuk syarikat dorman)
- Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207 sebelum / pada hari terakhir penghantaran Borang e-C (7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan)
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM

## KESALAHAN

- Kegagalan syarikat mematuhi tanggungjawab akan mengakibatkan syarikat tertakluk kepada :

**KESALAHAN JENAYAH**  
Kegagalan menghantar dan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan pailsu) di Borang Nyata Cukai Pendapatan

**KESALAHAN SIVIL**  
Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan

## CUKAI KORPORAT

### ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

- Pengarah-pengarah syarikat
- Setiausaha syarikat
- Pengurus atau pegawai utama
- Sesiapa sahaja yang menjalankan mana-mana fungsi di atas

### KADAR CUKAI KORPORAT

| JENIS SYARIKAT   | * T/T 2009 - 2015 |
|--|-------------------|
| <b>Modal berbayar sehingga RM 2.5 juta pada awal tempoh asas</b><br>- Pendapatan bercukai RM 500,000 pertama<br>- Pendapatan bercukai selebihnya | 20 %<br>25 %      |
| <b>Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta pada awal tempoh asas</b>   | 25 %              |

\* T/T - Tahun Taksiran